

UCTC: Manfaat besar penduduk Besut

Akan meningkatkan sosioekonomi penduduk, beri impak kepada daerah dan negeri

■ **MOHD TAHA YAACOB**

BESUT - Penduduk daerah ini bakal menikmati pelbagai manfaat hasil pelaksanaan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) di daerah ini membolehkan beberapa institusi pengajian tinggi tempatan awam (IPTA).

Ahli Parlimen Besut, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, masyarakat di Besut akan mendapat manfaat yang besar hasil pengembelngan segala sumber dan kepakaran yang ada pada setiap institusi terbabit.

Menurut Menteri Pendidikan Kedua itu lagi, antara IPTA terbabit ialah Universiti Sains Malaysia (USM); Universiti Malaysia (UM); Universiti Malaysia Kelantan (UMK); Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) dan Universiti Malaysia

Terengganu (UMT).

"Turut terlibat Universiti Malaysia Pahang (Unimap), Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, politeknik dan kolej komuniti serta beberapa institusi lain," katanya.

Idris berkata, setiap kepakaran universiti terbabit akan dikongsi dengan masyarakat di Besut bagi meningkatkan pengetahuan; ekonomi; pembangunan masyarakat dan daerah.

Menurutnya, umpamanya UMK yang terkenal sebagai universiti keusahawanan akan membimbing 100 penduduk daerah ini dalam bidang keusahawanan, manakala Unisza dalam bidang pertanian dengan sasaran meningkatkan pendapatan sehingga mencapai pendapatan RM6,000 sebulan.



Idris bersama kepimpinan daerah Besut dan warga Unisza di Unisza Kampus Tembilaha.

"Sementara UMT akan memfokuskan kepada golongan nelayan untuk menjadikan nelayan yang hebat, USM dengan Kelab Neorosains di sekolah, IPG Kampus Sultan

Mizan (program Bahasa Inggeris untuk masyarakat), UMI (solat sains) dan sebagainya," katanya.

Idris berkata, usaha ini sudah tentu akan membe-

ri manfaat yang besar kepada masyarakat dan hasil keberkesannya akan dinilai serta dilihat dalam tempoh tertentu.

Kata beliau, kesan jang-

ka masa panjang program ini akan meningkatkan sosioekonomi penduduk bukan sahaja di daerah ini, tetapi memberi impak kepada daerah dan negeri ini.